

Istilah 'pengganas Muslim' tidak wujud



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin



melampau itu tidak pernah pula ditujukan kepada agama dan kepercayaan masing-masing.

Kenapakah kita sering mendengar pelampau Islam atau pengganas Muslim dikaitkan dengan keganasan?

Pemimpin rohani Tibet Buddha, Dalai Lama mengatakan tidak wujud istilah 'pengganas Muslim' kerana sesiapa yang terbabit dalam kegiatan keganasan bukanlah seorang Muslim sejati.

Beliau bercakap demikian ketika berada di Parlimen Eropah di Strasbourg, Perancis, September tahun lalu.

Beliau turut menyatakan frasa itu bercanggah selain mengutuk mereka yang melakukan perbuatan ganas atas nama agama.

Jelas Dalai Lama, sesiapa yang terbabit dalam keganasan bukan lagi seorang beragama Buddha atau Muslim sejati.

Islam juga menekankan apabila seseorang itu terbabit dengan pertumpahan darah, mereka bukan lagi pengamal Islam sejati.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)

Bulan lalu, penulis menyampaikan ceramah bertajuk Doktrin dalam Agama Islam dan Kehidupan Seorang Muslim atas jemputan sebuah kolej swasta yang dihadiri penuntut bukan beragama Islam.

Turut hadir pada program itu beberapa penuntut daripada dua pusat pengajian tinggi dari Hong Kong.

Penulis membuat pembentangan dari sudut asas kepercayaan Islam yang meliputi Rukun Islam dan Rukun Iman.

Pokok penyampaian juga tertumpu kepada kepercayaan kepada Allah SWT sebagai Tuhan Maha Esa dan Maha Berkuasa yang mencipta alam semesta ini.

Allah SWT menjelaskan dalam **Surah al-Baqarah, ayat 255** bermaksud: "Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia Yang Hidup kekal lagi terus-menerus mengurus (makhluk-Nya), tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nya apa

yang di langit dan di bumi."

Penulis menjelaskan setiap Muslim perlu melaksanakan kewajipan seperti termaktub dalam Rukun Islam iaitu solat lima kali sehari semalam, berpuasa pada bulan Ramadan, membayar zakat dan mengerjakan ibadat haji.

Disebabkan semua penuntut yang mengikuti ceramah itu berketurunan Cina, penulis mengambil contoh kehidupan sebagai Muslim dari perspektif seorang Cina supaya ia relevan kepada mereka.

Dalam sesi itu penulis menyampaikan mesej bahawa Allah SWT

menciptakan manusia dengan pelbagai bangsa dan keturunan.

Setiap bangsa dan keturunan pula memiliki budaya dan adat tersendiri. Setiap Muslim perlu mengakui keesaan Allah SWT sebagai Tuhannya dan Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah serta mengerjakan amalan orang Islam yang diwajibkan.

Walaupun sudah memeluk Islam, seorang Cina Muslim itu masih boleh mengekalkan dan mengamalkan budaya asal mereka selagi tiada unsur penyembahan dan tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Mereka masih boleh menyambut perayaan Tahun Baru Cina atau Pesta Tanglung, menggunakan bahasa Cina dalam pertuturan dan boleh berhubung serta tinggal bersama ahli keluarga mereka walaupun mereka bukan beragama Islam.

Pada sesi soal jawab, seorang penuntut bertanya apakah Islam itu agama melampau kerana terdapat golongan yang mengaku Muslim tetapi bersifat ganas, kejam dan melampau terhadap manusia.

Penuntut itu menyatakan, pada awal pencerahan yang diterimanya Islam itu

diterangkan sebagai agama yang selamat.

Itu antara salah faham paling ketara kerana orang Islam disifatkan sebagai kejam, ganas dan melampau.

Ia terjadi akibat stereotaip berterusan serta serangan media. Bagaimana pula sekiranya seorang lelaki berkulit putih bersenjata menyerang kanak-kanak sekolah, unit gerila meletupkan bom di tengah-tengah pusat beli-belah atau seorang tentera Ortodoks Serbia merogol dan membunuh kanak-kanak Muslim?

Semua perbuatan ganas, kejam dan